

# **KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**

## **MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-3 TAHUN 2018**

**TARIKH : 14 APRIL 2018**  
**MASA : 10.00 PAGI**  
**TEMPAT : BILIK SEMINAR OCM  
LEVEL 2, OCM, TINGKAT  
MEZZANINE, WISMA OCM  
JALAN HANG JEBAT,  
50150 KUALA LUMPUR.**



# KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD  
(No. Pendaftaran : W-6-0560)

Ruj. Kami : KAMB AGM 7.4.2018

Tarikh : 22.4.2018

**Kepada**

**Anggota Perwakilan Sesi 2011 – 2014**

**Koperasi Atlet Malaysia Berhad**

Dato'/Tuan/Puan,

## **NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE – 4 TAHUN 2018**

---

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Koperasi Atlet Malaysia Berhad (KAMB) akan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke - 4, Tahun 2018 seperti butiran berikut:-

**Tarikh : 7 April 2018**  
**Masa : 9.00 – 12.00 Tengah hari**  
**Tempat : Level 2, OCM, Tingkat Mezzanine, Wisma OCM**  
**Jalan Hang Jebat, 50150 Kuala Lumpur.**

2. Agenda Mesyuarat adalah seperti berikut:-

- 2.1 Melantik Pengerusi mesyuarat ;
- 2.2 Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke – 3 yang telah diadakan pada 17hb Mei 2014;
- 2.3 Menimbang Laporan Tahunan Lembaga;
- 2.4 Menimbang Laporan Tahunan Jawatankuasa Audit Dalaman;



## KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD  
(No. Pendaftaran : W-6-0560)

- 2.5 Menimbang Laporan Pengurusan Juruaudit ke Atas Koperasi Atlet Malaysia Berhad bagi Tahun Berakhir 31 Julai 2017;
- 2.6 Memilih lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2018 – 2021;
- 2.7 Menimbang dan meluluskan Belanjawan Tahunan Kewangan Tahun 2017;
- 2.8 Meluluskan elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
- 2.9 Meluluskan permohonan bagi Memperolehi dan Memegang Subsidiari;
- 2.10 Meluluskan perantikan Panel Juruaudit Luar bagi mengaudit Akaun Koperasi Atlet Malaysia Berhad;
- 2.11 Menetapkan had maksimum keterhutangan Koperasi Atlet Malaysia Berhad;
- 2.12 Menetapkan had maksimum pelaburan Koperasi Atlet Malaysia Berhad
- 2.13 Melantik Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota atau perwakilan dan empat (4) orang anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan;
- 2.14 Dimaklumkan bahawa semua orang Anggota Lembaga Koperasi yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan mereka pada tahun ini;
- 2.15 Mendengar atau memutuskan apa-apa aduan yang dibawa oleh mana mana anggota koperasi yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi.

Nota: Dengan sukacitanya kami ingin mengisytiharkan pemberian dividen sebanyak 20% kepada ahli koperasi.



KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD  
(No. Pendaftaran : W-6-0560)

## KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

Segala perhatian dan kerjasama Dato/Tuan/Puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sebarang pertanyaan sila berhubung Dr. Arujunan Narayanan, Setiausaha, di  
H/P: 0173807986 atau email [arujunan.n@help.edu.my](mailto:arujunan.n@help.edu.my)

Sekian. Terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

DR. ARUJUNAN NARAYANAN  
Setiausaha  
KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

- s.k    i.    *Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Persekutuan*  
      ii.    *Pengerusi Anggota Lembaga Koperasi Atlet Malaysia Berhad*

## **ISI KANDUNGAN**

### **BIL PERKARA**

1. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Kali Ke-3, Tahun 2018

### **BAHAGIAN A**

1. Minit Mesyuarat Agung Permulaan, Tahun 2014
2. Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi
3. Laporan Jawatankuasa Audit Dalam  
- Lampiran

### **BAHAGIAN B**

1. Laporan Pengurusan Juruaudit ke atas Akaun Koperasi Atlet Malaysia Berhad  
Berakhir Pada 31 Julai 2017.

### **BAHAGIAN C**

1. Laporan Berkanun dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir
  - 1.1 Laporan Beraudit
  - 1.2 Laporan Berkanun Lembaga
  - 1.3 Kunci Kira-Kira
  - 1.4 Akaun Untung Rugi
  - 1.5 Penyata Aliran Tunai
  - 1.6 Nota-nota Kepada Akaun

# **BAHAGIAN A**

**1. Minit Mesyuarat Agung Permulaan, Tahun 2014**

**2. Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi**

**3. Laporan Jawatankuasa Audit Dalam**

**MINIT  
MESYUARAT AGUNG  
KE - 3  
TAHUN 2014**

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE 3 TAHUN 2014 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17HB MEI 2014 (SABTU) PADA JAM 10.00 PAGI DI DEWAN PERDANA, INSTITUT SUKAN NEGARA, BUKIT JALIL, KUALA LUMPUR**

---

Dirasmikan oleh :

Turut hadir : Puan Che Mas Nurmawati, Suruhanjaya Koperasi Malaysia,  
Cawangan Wilayah Persekutuan

Kehadiran ahli : 122 orang

**Ucapan alu-aluan Pengerusi KAMB, Dato' Dr Hjh Paduka Mumtaz Begum Abdul Jaafar**

Ucapan pengerusi telah didahului dengan mengalu-alukan kehadiran Puan Che Mas Nurmawati dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan dan semua ahli KAMB.

**Minit 1: Memilih Pengerusi Mesyuarat**

- 1.1 : Pengerusi KAMB telah meminta anggota memilih dan melantik di kalangan anggota sebagai pengerusi mesyuarat bagi memimpin Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 3, Tahun 2014.
- 1.2 : Brig Jen (B) Dato Husainey telah dilantik sebagai pengerusi mesyuarat agung. Beliau berpendapat KAMB mempunyai potensi untuk maju ke hadapan, KAMB perlu menambahkan ahli lagi dan boleh bekerjasama dengan syarikat lain untuk mencapai matlamatnya.

**Minit 2: Mengesahkan Minit Mesyuarat Kedua Agung Perwakilan Tahunan Ke 2**

- 1.3 : En Johari bin Maina telah menyatakan bahawa kuorum mencukupi untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan KAMB. Beliau mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan KAMB Tahun Ke 2 diterima. Cadangan ini disokong oleh En. Ramli bin Hashim.



### **Minit 3: Menerima Laporan Lembaga**

- 1.4 : Laporan Lembaga telah dibentangkan oleh Dato' Paduka Dr Hjh Mumtaz Begum Abdul Jaffar sebagai Pengerusi. Beliau memohon supaya ahli-ahli ada sebarang soalan.

Mesyurat dimaklumkan bahawa KAMB projek rock melon bersama dengan IRIS Corporation Berhad tidak diteruskan oleh kerana kemungkinan kerugian.

- 1.5 : En Amaran memberi penerangan tentang kawasan pertanian di Tanjung Tualang. Beliau menyatakan bahawa oleh kerana masalah mendapatkan tanah dari Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak, IRIS telah mengeluarkan modalnya.
- 1.6 : Datuk Nurul mencadangkan perjanjian dibuat, gaji pekerja ditentukan dan 'road show' diadakan untuk menarik pelabur. Cadangan ini disokong oleh Amaran.

### **Minit 4: Menimbang Pandangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Ke Atas Akaun 2013**

Puan Che Mas Nurmawati, telah memaklumkan bahawa laporan ini telah disediakan dan diaudit oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan.

En Johari mencadangkan penenerimaan Pandangan SKM dan disokong oleh En Ramli Hashim.

### **Minit 4: Menerima Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2013**

Penyata Kewangan berakhir 31<sup>hb</sup> Julai 2013 telah dibentang oleh Bendahari En. Ng Poh Keong. Beliau melaporkan bahawa Pelbagai penghutang RM250.74; Simpanan Tetap sebanyak RM76,949.18; Wang di bank RM46,298.45 dan jumlahnya adalah RM123,498.37.

En Johari mencadangkan penenerimaan Pandangan SKM dan disokong oleh En Ramli Hashim.

### **Minit 5: Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2014-2017**

Haji Mohd Zabidi bin Latiff mencadangkan ahli Lembaga yang masih ada tempoh dikekalkan dan ahli baru dipilih untuk ahli Lembaga yang habis tempoh keahlian. Cadangan ini diterima dan ahli baru LKAMB adalah seperti berikut:-

- 1.7.1 Dato' Dr Hj Paduka Mumtaz Begum Binti Addul Jaafar
- 1.7.2 Brig .Jen (B) Dato' Hussainey Bin Hashim
- 1.7.3 Dr Arujunan Narayanan
- 1.7.4 En Kenny Ng Poh Keong
- 1.7.5 Puan Angamah A/P Vengadasalam
- 1.7.6 Dato' Noorul Ariffin Bin Abdul Majeed
- 1.7.7 En. Mohd Zabidi bin Abdul Latif
- 1.7.8 En. Lee Sheng Chow
- 1.7.9 En. Suppiah A/L S. Muniandy
- 1.7.10 En Shaharudin bin Jaffar
- 1.7.11 En Ab Mohd Khalid bin Haji Mohd Ali
- 1.7.11 Puan Siti Zahara Binti Abdul Khalid
- 1.7.12 Puan Shamimi Selvarani Binti Abdullah

### **Minit 6: Perlantikan Jawatankuasa Audit Dalam**

Menurut SKM, Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah dilantik oleh ahli lembaga koperasi. En Zulkifli Mohd Yatim, Puan Anita Binti Ali dan Puan Harbans Kaur dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit Dalam

### **Minit 7: Menetapkan had maksimum keterhutangan KAMB**

En Ramjit mencadangkan RM50,000.00 sebagai had maksimum keterhutangan KAMB dan disokong oleh En. Amaran.

Penangguhan Mesyuarat Agong

Mesyuarat Agong Ke 3 tahun 2014 telah ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari. Anggota KAMB yang hadir diberikan makan tengahari dan diberi dividen sebanyak 20%.

Disediakan oleh:

Dr Arujunan Narayanan  
**SETIAUSAHA**

Disahkan oleh:

Dato' Paduka Dr Hjh Mumtaz Begum Abdul Jaafar  
**PENGERUSI**

# **LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

## **LAPORAN TAHUNAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

### **MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

#### **Mesyuarat ALK**

ALK telah dapat mengadakan mesyuarat ALK sebanyak 14 kali sepanjang tahun 2014-2017. Tarikh-tarikhnya adalah seperti berikut:-

#### **Tahun 2014**

- (i) 3.4.2014
- (ii) 18.4.2014
- (iii) 4.5.2014
- (iv) 27.5.2014
- (v) 12.8.2014
- (vi) 8.11.2014
- (vii) 7.12.2014

#### **Tahun 2015**

- (i) 23.1.2015

#### **Tahun 2016**

- (i) 12.3.2016
- (ii) 8.5.2016
- (iii) 26.5.2016

#### **Tahun 2017**

- (i) 11.2.2017
- (ii) 21.10.2017
- (iii) 26.11.2017

#### **Tahun 2018**

- (i) 12.3.2018

## Kehadiran ALK

Kehadiran setiap Anggota Lembaga Kopersi adalah seperti berikut:-

| Bil | Nama                                             | Bil Mesyuarat |      |      |      |
|-----|--------------------------------------------------|---------------|------|------|------|
|     |                                                  | 2014          | 2015 | 2016 | 2017 |
| 1   | Dato' Paduka Dr. Mumtaz Begum Binti Abdul Jaafar | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 3/3  |
| 2   | Shamimi Selvarani Binti Abdullah                 | 6/7           | 1/1  | 3/3  | 2/3  |
| 3   | Encik Ng Poh Keong                               | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 2/3  |
| 4   | Encik Abdul Mohd Khalid Bin Haji Mohd Ali        | 4/7           | 1/1  | 2/3  | 0/3  |
| 5   | Encik Shahrudin Jaafar                           | 5/7           | 1/1  | 3/3  | 2/3  |
| 6   | Puan Siti Zaharah Abdul Khalid                   | 5/7           | 1/1  | 3/3  | 3/3  |
| 7   | Angamah A/P Vengadasalam                         | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 2/3  |
| 8   | Suppiah A/L S. Muniandy                          | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 2/3  |
| 9   | Lee Sheng Chow                                   | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 3/3  |
| 10  | Brig. Gen. (B) Dato' Husainay Bin Hashim         | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 3/3  |
| 11  | Mohd Zabidi Bin Abdul Latiff                     | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 3/3  |
| 12  | Dr. Arujunan Narayanan                           | 7/7           | 1/1  | 3/3  | 3/3  |

## **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI LEMBAGA KAMB**

Antara tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh ALK adalah seperti berikut:-

1. Mentadbir urus Koperasi mengikut lunas-lunas perundangan seperti Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia, peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi Atlet Malaysia Bhd.
2. Mempertimbangkan projek-projek berikut:-
  - (i) **PROJEK ROCK MELON TANAH DI TANJUNG TUALANG, PERAK**  
Tanah yang diperuntukan untuk projek ini telah diambil balik oleh Menteri Besar untuk projek Tahfiz. Sebagai ganti, beliau rela menawarkan tanah lain seluas 100 ekar kepada KAMB di Pengkalan Hulu, Kroh, Perak.
  - (ii) **PROJEK HIDUP LIAR DI KROH, PERAK**  
LKAMB mengkaji projek safari, resort kehidupan liar dan kelapa sawit di Pengkalan Hulu, Kroh dan mendapati projek ini memerlukan komitmen beberapa pihak tertentu dan berkemungkinan agak sukar untuk dilaksanakan.
  - (iii) **PROJEK PENJUALAN MINYAK KELAPA SAWIT DENGAN FELDA**  
Projek ini dibawa untuk pertimbangan LKAMB tetapi tidak diteruskan kerana risiko yang berkaitan.
  - (iv) **PROJEK PENGURUSAN ZOO MELAKA**  
Projek ini dicadangkan kepada LKAMB tetapi tidak ada sebarang kemajuan.
  - (v) **PERUNDINGAN**  
KAMB menggunakan kepakaran perundingan En. Zulkifli Mohd Yatim, ahli koperasi dan mendapat hasil sebanyak RM.....

### **3. Masalah dihadapi oleh KAMB**

Dalam tempoh ini KAMB menghadapi beberapa masalah seperti berikut:-

- (i) **Ruang tempat bagi KAMB.**  
KAMB tidak mempunyai ruang pejabat sendiri. Dengan itu mesyuarat diadakan di Bangunan BAKTI, OCM dan tempat yang lain. Satu ruang pejabat 'virtual' digunakan dengan bayaran RM3,200 setahun. Mulai bulan April, 2018, KAMB dapat sewa ruang pejabat di OCM.

**(ii) Pengurus KAMB**

KAMB berpendapat seorang pengurus diperlukan untuk pentadbiran KAMB. Memandangkan kedudukan kewangan KAMB, tugas pengurus dijalankan secara sukarela. Ini menjejaskan pengurusan KAMB oleh kerana semua ahli LKAMB bertugas sepenuh masa di tempat lain.

**(iii) Pemangku Pengerusi KAMB**

Oleh kerana Pengerusi KAMB kurang sihat, pada 8 Mei, 2016 Brig Jen (B) Dato' Husainey Bin Hashim telah dilantik sebagai Pemangku Pengerusi KAMB.

**Anggota Lembaga Koperasi**

Senarai nama Ahli Lembaga Koperasi beserta jawatan disandang adalah seperti berikut:

| Bil | Nama                                             | Jawatan    | Tahun Lantikan |
|-----|--------------------------------------------------|------------|----------------|
| 1   | Dato' Paduka Dr. Mumtaz Begum Binti Abdul Jaafar | Pengerusi  | 2014           |
| 2   | Shamimi Selvarani Binti Abdullah                 | Setiausaha | 2014           |
| 3   | Encik Ng Poh Keong                               | Bendahari  | 2014           |
| 4   | Encik Abdul Mohd Khalid Bin Haji Mohd Ali        | ALK        | 2014           |
| 5   | Encik Shaharudin Jaafar                          | ALK        | 2014           |
| 6   | Puan Siti Zaharah Abdul Khalid                   | ALK        | 2014           |
| 7   | Angamah A/P Vengadasalam                         | ALK        | 2014           |
| 8   | Suppiah A/L S. Muniandy                          | ALK        | 2014           |
| 9   | Dato' Noorul Ariffin Bin Abdul Majeed            | ALK        | 2014           |
| 10  | Lee Sheng Chow                                   | ALK        | 2014           |



### Senarai nama Jawatankuasa Audit Dalam

Menurut subseksyen 42A (1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi hendaklah mengandungi tiga (3) orang, terdiri daripada anggota yang dilantik oleh Lembaga, menurut perenggan (g) undang-undang kecil 42.

| Bil | Nama                      | Jawatan | Tahun Lantikan |
|-----|---------------------------|---------|----------------|
| 1   | Anita Binti Ali           | JKAD    | 2014           |
| 2   | Encik Zulkifli Mohd Yatim | JKAD    | 2014           |
| 3   | Harbans Kaur              | JKAD    | 2014           |

### Keanggotaan mengikut Negeri

Jumlah keseluruhan anggota Koperasi sesi 2014 – 2017 adalah seramai 122 orang. Berikut adalah pecahan keanggotaan mengikut negeri. Senarai nama anggota adalah seperti pada Lampiran A.

| Negeri                    | Bilangan   |
|---------------------------|------------|
| Kedah                     | 6          |
| Kelantan                  | 1          |
| Negeri Sembilan           | 43         |
| Pahang                    | 5          |
| Penang                    | 2          |
| Perak                     | 12         |
| Sabah                     | 8          |
| Sarawak                   | 1          |
| Selangor                  | 1          |
| Terengganu                | 42         |
| Wilayah Persekutuan       | 1          |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>122</b> |

# **LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

# Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Atlet Malaysia Berhad

## 1. Latar Belakang

Audit Dalaman ialah satu aktiviti bebas yang dibentuk untuk memberikan konsultasi dan jaminan yang objektif bagi menambah nilai dan mempertingkatkan operasi Koperasi Atlet Malaysia Berhad (KAMB). Audit dalaman ini membantu KAMB mencapai objektif melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, proses kawalan dan tadbir urus. Jawatankuasa Audit Dalaman mempunyai kuasa untuk memeriksa segala rekod perakaunan dan rekod lain berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan KAMB dan subsidiarinya (jika ada). Tujuan adalah untuk memastikan hal ehwal KAMB dijalankan mengikut matlamat penubuhan undang-undang kecil serta keputusan Mesyuarat Agung. Antara tugas yang dilaksanakan serta keputusan Mesyuarat Agung. Antara tugas yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seperti yang berikut :

- a) Memastikan adanya kuasa dan kesahihan bagi perbelanjaan
- b) Memeriksa akaun-akaun KAMB disediakan pada tempoh masa yang tetap
- c) Memberitahu Ahli Lembaga KAMB apa-apa ketidakselarasan yang berlaku dalam pengurusan KAMB secara serta-merta
- d) Mengemukakan kepada Ahli Lembaga laporan mengenai pengurusan dan hal ehwal KAMB yang mana antaranya pelanggaran terhadap Akta, peraturan dan undang-undang kecil

## 2. Skop Audit Dalaman

Skop Auditan Dalaman yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman terbahagi kepada beberapa bahagian. Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti berikut :

- I. AUDIT KAWALAN DALAMAN  
Memeriksa dan menilai sistem kawalan dalaman dan mencadangkan kawalan yang sesuai untuk mengatasi kelemahan.
- II. AUDIT PEMATUHAN  
Berkeupayaan untuk memastikan kepatuhan, keseragaman dan peraturan kepada polisi, peranan, undang-undang dan kontrak.

III. AUDIT PENIPUAN

Memastikan keselamatan aset dengan menilai prosedur-prosedur untuk keselamatan aset dan pengesanan aktiviti penipuan.

IV. AUDIT PENGURUSAN ATAU OPERASI

Menilai aktiviti-aktiviti pengurusan dan memastikan ia sejajar dengan objektif keseluruhan serta keberkesanan untuk mencapai objektif.

V. AKTIVITI PERUNDINGAN DAN PEMUDAH CARA

Menyediakan perkhidmatan perundingan dan membantu pengurusan mengenal pasti kelemahan dan merancang penambahbaikan yang perlu.

### 3. Perihal Kewangan

Dari segi kewangan Koperasi, tiada apa-apa isi yang boleh diulaskan. Semuanya dilihat baik dan Laporan Pengurusan Juruaudit oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia jelas menyatakan maksudnya.

### 4. Sistem Yang Sediaada dan Penambahbaikan

Adalah dilihat bahawa terdapat sedikit kelemahan yang perlu diperbetulkan atau diperjelaskan. Perkara berikut perlu diambil perhatian untuk tujuan pembetulan dan penambahbaikan :-

a. Indentifikasi Ahli Lembaga (ALK)

Setiap ALK dicadangkan mempunyai portfolio spesifik. Ini bertujuan agar setiap ALK yang menghadiri mesyuarat jelas akan tanggungjawab dan membawa usul yang berkaitan dengan portfolionya.

b. Tindakan susulan mesyuarat

Harus terdapat tindakan susulan yang jelas terhadap sesuatu keputusan yang telah diputuskan di dalam mesyuarat. Tindakan susulan yang jelas dapat dinyatakan menentukan ALK yang akan melaksanakan tugas (by whom) dan sasaran tarikh pelaksanaan.

## 5. Penghargaan dan Terima Kasih

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK) di atas menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diharapkan oleh semua anggota koperasi. Ini dapat dilihat dari komitmen setiap ALK dalam menghadiri semua mesyuarat- mesyuarat. Pengendalian mesyuarat adalah lancar dalam membincangkan agenda mesyuarat dan perkara-perkara berbangkit. Tanpa kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, pastinya Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) tidak dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

(Zulkifli Mohd Yatim)

(Anita Binti Ali)


(Harbans Kaur)

# **LAMPIRAN A – C**

LAMPIRAN A

CARTA ORGANISASI ANGGOTA LEMBAGA

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD SESI 2011/2013






**LAMPIRAN B**

**CARTA ORGANISASI DAN FUNGSI  
KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**

---

**ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**



**JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

CADANGAN SENARAI JURUAUDIT LUAR & SKM

| BIL | NAMA                                                          | ALAMAT                                                                                                                                                                                 |
|-----|---------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA<br>CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN | BAHAGIAN AUDIT KOPERASI<br>CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN<br>ARAS 1, MENARA SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA<br>CHANGKAT SEMANTAN OFF JALAN SEMANTAN<br>BUKIT DAMANSARA 50490 KUALA LUMPUR. |
| 2.  | NG & CO                                                       | NO. 15-2, JALAN 2/137B<br>RESOURCE INDUSTRIAL CENTRE<br>OFF 5 <sup>TH</sup> MILES, JALAN KLANG LAMA<br>58000 KUALA LUMPUR                                                              |
| 3.  | DOUGLAS LOH & ASSOCIATES                                      | LOT 3.51, 3 <sup>RD</sup> FLOOR<br>WISMA MPL<br>JALAN RAJA CHULAN<br>50200 KUALA LUMPUR                                                                                                |

# **BAHAGIAN B**

## **1. Laporan Pengurusan Juruaudit ke atas Akaun Koperasi Berakhir Pada 31hb Julai 2017**



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**  
**CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Aras 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan Off Jalan Semantan  
Bukit Damansara  
50490 KUALA LUMPUR



**SURUHANJAYA**  
**KOPERASI**  
Malaysia

Tel: 03-2083 4200  
Faks: 03-2083 4286  
Portal Rasmi: [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)  
Emel: [wpersekutuan@skm.gov.my](mailto:wpersekutuan@skm.gov.my)

Rujukan Kami : SKM.WP(AUDIT): 7/728(40)

Tarikh : 26 FEB 2018

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Anggota-anggota Lembaga  
Koperasi Atlet Malaysia Berhad

Tuan,

**LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT KE ATAS**  
**KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**


Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kami telah selesai menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas akaun-akaun Koperasi Atlet Malaysia Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 2017.

2. Dalam menjalankan proses pengauditan, kami telah memeriksa dan menyemak beberapa aspek sistem kawalan dalaman dan perakaunan koperasi yang menjadi sebahagian daripada prosedur-prosedur biasa pengauditan.

3. Daripada pemeriksaan-pemeriksaan dan pemerhatian yang dijalankan, kami ingin memaklumkan penemuan-penemuan kami mengenai sistem kawalan dalaman dan perakaunan koperasi. Walau bagaimanapun, penemuan-penemuan yang diperoleh tidak boleh dianggap menyeluruh atau meliputi kesemua aspek sistem kawalan dalaman dan perakaunan koperasi disebabkan kerja-kerja pengauditan yang dijalankan hanyalah berdasarkan kepada sampel-sampel yang dipilih sahaja.

| Bil | Penemuan-Penemuan                                                                                                                                                    | Cadangan-Cadangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (a) | <b><u>Pengesahan Modal Syer Anggota</u></b><br><br>Tatacara untuk mengesahkan baki modal syer anggota pada 31 Julai 2017 tidak dilaksanakan oleh pengurusan koperasi | Pihak koperasi hendaklah memastikan surat pengesahan baki modal syer anggota diedarkan kepada anggota-anggota pada setiap akhir tahun kewangan, bagi membolehkan setiap anggota sama ada mengesahkan atau melaporkan sebarang perbezaan, jika ada. Tujuannya adalah untuk membantu pihak Juruaudit mengesahkan baki modal syer anggota seperti yang ditunjukkan di kunci kira-kira pada akhir tahun kewangan dan untuk membantu pihak koperasi menentukan dan mengemaskinikan rekod modal syer anggotanya. |

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT.NO.: AR 5364


Laporan Pengurusan Juruaudit ke atas Koperasi Atlet Malaysia Berhad  
Tahun Kewangan 31 Julai 2017

| Bil | Penemuan-Penemuan                                                                                                                                                                                                                                                                                           | Cadangan-Cadangan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (f) | <p><b><u>Kumpulan Wang Rizab Statutori</u></b></p> <p>Kumpulan Wang Rizab Statutori yang berbaki sebanyak RM13,469.26 masih belum diwakili oleh aset KWRS.</p>                                                                                                                                              | <p>Pihak koperasi diminta mengasingkan Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap atau pelaburan mudharabah bagi mewakili Kumpulan Wang Rizab Statutori selaras dengan Pekeliling SKM Bilangan 1 Tahun 2009 berhubung Panduan Mengenai Penyelenggaraan Kumpulan Wang Rizab Statutori. Sehubungan itu, aset-aset Kumpulan Wang Rizab Statutori perlu ditunjukkan di bawah tajuk “ <b>Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori</b>”. Pihak koperasi adalah dikehendaki untuk mewakilkan sekurang-kurangnya lima belas peratus (15%) KWRS dengan aset KWRS.</p> |
| (g) | <p><b><u>Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi</u></b></p> <p>Didapati caruman bagi Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi yang masing-masing berjumlah RM1,693.55 dan RM846.77 masih lagi tertunggak.</p> | <p>Sila jelaskan kedua-dua caruman bagi Kumpulan Wang Amanah itu dengan kadar segera sekiranya masih belum berbuat demikian.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

Sekian, terima kasih.


**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“TADBIR URUS CEMERLANG, MASA DEPAN GEMILANG”**

Saya yang menurut perintah,



(WIDAYANTI BINTI TORMAN)  
b.p. Pengarah Audit Koperasi  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

s.k. Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan



**SURUHANJAYA  
KOPERASI  
Malaysia**

# **PENYATA KEWANGAN**

**KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD  
31 JULAI 2017**

---

**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
BAHAGIAN AUDIT KOPERASI**



**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**  
**CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Aras 1, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Changkat Semantan Off Jalan Semantan  
Bukit Damansara  
50490 KUALA LUMPUR



**SURUHANJAYA**  
**KOPERASI**  
*Malaysia*

Tel: 03-2083 4200  
Faks: 03-2083 4286  
Portal Rasmi: [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)  
Emel: [wpersekutuan@skm.gov.my](mailto:wpersekutuan@skm.gov.my)

Ruj. Kami  
Tarikh

: SKM.WP(AUDIT):7/728/457

: 26 FEB 2018

Setiausaha  
**Koperasi Atlet Malaysia Berhad**  
36th Floor Menara Maxis  
Kuala Lumpur City Centre  
50088 KUALA LUMPUR

Tuan,

**AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2017**

Merujuk kepada perkara tersebut di atas, bersama-sama ini disertakan 1 salinan asal penyata kewangan koperasi yang telah selesai diaudit oleh Pegawai Suruhanjaya pada **26 FEB 2018**

2. Adalah dimaklumkan bahawa mengikut Seksyen 59(2) Akta Koperasi 1993, Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi dan subsidiarinya (jika ada) setelah selesai diaudit hendaklah dikemukakan kepada anggota-anggotanya tidak kurang daripada 15 hari dan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia tidak kurang daripada 30 hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan.

3. Fi yang dikenakan untuk perkhidmatan audit tahun ini adalah seperti dalam bil yang dikirimkan bersama-sama ini. Sila jelaskannya dengan segera.

4. Sebagai menepati keperluan MS ISO 9001:2008, bersama-sama ini dikirimkan satu salinan Borang Kajian Kepuasan Pelanggan. Kerjasama tuan/puan diperlukan untuk melengkapkan borang tersebut dan menghantar/faks kepada alamat/no faks di atas (u/p Bahagian Audit Koperasi)

5. Jika pihak tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"TADBIR URUS CEMERLANG, MASA DEPAN GEMILANG"**


Saya yang menurut perintah,

(WIDAYANTI BINTI TORMAN)  
Ketua Audit Koperasi  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

s.k. Pengarah  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan

Penolong Pengarah Nasional G

**PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI**



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT.NO.: AR 5364

**LAPORAN JURUAUDIT  
KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 JULAI 2017**

Kepada:  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Anggota-Anggota **Koperasi Atlet Malaysia Berhad**

Tuan,

**Laporan atas Penyata Kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Atlet Malaysia Berhad** yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada **31 Julai 2017** Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir **31 Julai 2017** dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan seperti yang dibentangkan bersama.

**Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

**Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang material.

Sesuai audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman koperasi yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan bagi merangka prosedur-prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman koperasi. Sesuatu audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh anggota lembaga koperasi dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.



Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh memberikan asas yang wajar bagi pendapat kami.

### **Pendapat**

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada **31 Julai 2017** dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


### **Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Peraturan**

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:

- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir **31 Julai 2017** adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi adalah munasabah.

### **Perkara-Perkara Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya, anggota-anggota koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut kehendak Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.

  
( **WIDADANTI BINTI TORMAN** )  
b.p. Pengarah Audit Koperasi  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: **26 FEB 2018**



**KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**  
**KUNCI KIRA-KIRA**  
**PADA 31 JULAI 2017**

|                                           | NOTA | 2017<br>RM        | 2016<br>RM        |
|-------------------------------------------|------|-------------------|-------------------|
| <b>HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>    |      |                   |                   |
| <b>ASET GERAN / BANTUAN</b>               | 3    | <u>1.00</u>       | <u>1.00</u>       |
| <b>ASET SEMASA</b>                        |      |                   |                   |
| Pelbagai Penghutang                       | 4    | 2,344.00          | 2,344.00          |
| Deposit Tetap                             | 5    | 158,187.05        | 84,537.25         |
| Wang Di Bank                              | 6    | 56,626.65         | 138,310.58        |
|                                           |      | <u>217,157.70</u> | <u>225,191.83</u> |
| <b>LIABILITI SEMASA</b>                   |      |                   |                   |
| Pemiutang Perdagangan                     | 7    | -                 | 1,560.00          |
| Fi Audit Suruhanjaya                      | 8    | 600.00            | 3,400.00          |
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi  | 9    | 1,693.55          | 1,693.55          |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 10   | 846.77            | 846.77            |
| Dividen                                   | 11   | 19,236.00         | 19,236.00         |
| Pelbagai Pemiutang                        | 12   | -                 | 3,000.00          |
|                                           |      | <u>22,376.32</u>  | <u>29,736.32</u>  |
| <b>Aset / Liabiliti Semasa Bersih</b>     |      | <u>194,781.38</u> | <u>195,455.51</u> |
|                                           |      | <u>194,782.38</u> | <u>195,456.51</u> |
| <b>Dibiayai Oleh :</b>                    |      |                   |                   |
| Modal Syer Anggota                        | 13   | 118,540.00        | 118,540.00        |
| Akaun Untung Rugi Terkumpul               |      | 38,012.12         | 38,686.25         |
| <b>KUMPULAN WANG ANGGOTA</b>              |      | <u>156,552.12</u> | <u>157,226.25</u> |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori             | 14   | 13,469.26         | 13,469.26         |
| Geran & Subsidi                           | 15   | 24,761.00         | 24,761.00         |
|                                           |      | <u>38,230.26</u>  | <u>38,230.26</u>  |
|                                           |      | <u>194,782.38</u> | <u>195,456.51</u> |

Nota-nota berserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun ini  
dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**  
**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2017**

|                                               | 2017<br>RM              | 2016<br>RM              |
|-----------------------------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Rugi Bersih Tahun Semasa                      | (674.13)                | 50,180.15               |
| <b>Tolak : Pembahagian berkanun</b>           |                         |                         |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori                 | -                       | 6,021.62                |
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi      | -                       | 1,003.60                |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi     | -                       | 501.80                  |
|                                               | <u>-</u>                | <u>7,527.02</u>         |
| Untung / (Rugi) Selepas Pembahagian Berkanun  | (674.13)                | 42,653.13               |
| <b>Tolak : Lain-lain Pembahagian</b>          |                         |                         |
| Potongan Langganan                            | -                       | -                       |
| Dividen Atas Modal Syer Anggota               | -                       | 9,618.00                |
|                                               | <u>-</u>                | <u>9,618.00</u>         |
| Baki Keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan | (674.13)                | 33,035.13               |
| Keuntungan Berkumpul Pada Awal Tahun          | 38,686.25               | 5,651.12                |
| <b>Keuntungan Berkumpul Pada Akhir Tahun</b>  | <u><b>38,012.12</b></u> | <u><b>38,686.25</b></u> |

**KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**  
**AKAUN UNTUNG RUGI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2017**

|                                                                    | NOTA | 2017<br>RM      | 2016<br>RM        |
|--------------------------------------------------------------------|------|-----------------|-------------------|
| <b>PENDAPATAN</b>                                                  |      |                 |                   |
| Fi Pengurusan diterima                                             |      | -               | 100,000.00        |
| Keuntungan Simpanan Tetap                                          |      | 3,649.80        | 2,795.52          |
|                                                                    |      | <u>3,649.80</u> | <u>102,795.52</u> |
| <b>PERBELANJAAN</b>                                                |      |                 |                   |
| Fi Audit Suruhanjaya                                               | 8    | 600.00          | 600.00            |
| Fi Perakaunan                                                      |      | 200.00          | 1,000.00          |
| Caj Bank                                                           |      | 136.00          | 14.50             |
| GST                                                                |      | 8.37            | 0.87              |
| Reka Bentuk Laman Web                                              |      | 2,800.00        | -                 |
| Belanja Perjalanan                                                 |      | 560.00          | -                 |
| Sewa                                                               |      | -               | 1,000.00          |
| Fi Guaman                                                          |      | -               | 50,000.00         |
| Pelbagai                                                           |      | 19.56           | -                 |
|                                                                    |      | <u>4,323.93</u> | <u>52,615.37</u>  |
| <b>Kerugian bersih dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan</b> |      | <u>(674.13)</u> | <u>50,180.15</u>  |

Nota-nota berserta dengan akaun ini adalah sebahagian daripada akaun ini  
dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2017**

|                                                       | 2017<br>RM               | 2016<br>RM               |
|-------------------------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| <b><u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KOPERASI</u></b> |                          |                          |
| Keuntungan/(Kerugian) Bersih                          | (674.13)                 | 50,180.15                |
| Untung Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja          | <u>(674.13)</u>          | <u>50,180.15</u>         |
| (Tambahan) / Kurangan Pelbagai Penghutang             | -                        | (2,344.00)               |
| Tambahan/ (Kurangan) Pemiutang Perdagangan            | (1,560.00)               | -                        |
| Tambahan/ (Kurangan) Fi Audit Suruhanjaya             | (2,800.00)               | 600.00                   |
| Tambahan/ (Kurangan) Pelbagai Pemiutang               | <u>(3,000.00)</u>        | <u>1,000.00</u>          |
|                                                       | <u>(7,360.00)</u>        | <u>(744.00)</u>          |
| Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi                    | <u>(8,034.13)</u>        | <u>49,436.15</u>         |
| Lebihan / Kurangan Tunai Dan Setara Tunai             | (8,034.13)               | 49,436.15                |
| Tunai dan setara tunai awal tahun                     | 222,847.83               | 173,411.68               |
| <b>Tunai dan setara tunai akhir tahun</b>             | <b><u>214,813.70</u></b> | <b><u>222,847.83</u></b> |

## **KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2017**

#### **NOTA 1 - DASAR-DASAR PERAKAUNAN**

##### **(a) Asas-asas Perakaunan**

- (i) Akaun-akaun disediakan menurut kelaziman kos asal dengan andaian bahawa kegiatan koperasi adalah berterusan.
- (ii) Akaun-akaun Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-peraturan Koperasi 2010.

##### **(b) Fi Masuk**

Fi Masuk dikreditkan ke Akaun Untung Rugi sebagaimana mengikut Undang-undang Kecil 13(4).

##### **(c) Aset Bantuan**

- (i) Aset Bantuan disusutnilaikan mengikut sistem susut samarata pada kadar 20% setahun
- (ii) Aset Bantuan yang diperoleh dalam tahun disusutnilaikan setahun penuh.
- (iii) Aset Bantuan yang telah disusutnilaikan sepenuhnya yang masih digunakan secara ekonomik ditunjukkan pada nilai nominal RM1.00

##### **(d) Bantuan Kerajaan**

Koperasi telah menerima bantuan sebanyak RM30,000 daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi tujuan membiayai kos pembelian peralatan dan kelengkapan. Bantuan tersebut akan dilunaskan dengan susutnilai aset-aset tersebut.

#### **NOTA 2 - KEGIATAN KOPERASI**

Fungsi utama koperasi ialah pertanian. Koperasi masih belum menjalankan sebarang aktiviti yang berkaitan.

KOPERASI ATLET MALAYSIA BERHAD

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 JULAI 2017

|               |                                      | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---------------|--------------------------------------|------------|------------|
| <b>NOTA 3</b> | <b>- ASET BANTUAN</b>                | -          | -          |
|               | <b>Aset Bantuan</b>                  | -          | -          |
|               | Baki Awal Tahun                      | 5,240.00   | 5,240.00   |
|               | Tambahan Dalam Tahun                 | -          | -          |
|               | Baki Akhir Tahun                     | 5,240.00   | 5,240.00   |
|               | <b>Tolak - Susutnilai Berkumpul</b>  | -          | -          |
|               | Baki Awal Tahun                      | 5,239.00   | 5,239.00   |
|               | Susutnilai Semasa (Nota )            | 5,239.00   | 5,239.00   |
|               | Baki Akhir Tahun Kewangan            | 1.00       | 1.00       |
| <b>NOTA 4</b> | <b>- PELBAGAI PENGHUTANG</b>         |            |            |
|               | Deposit Sewa - CEO Suite (M) Sdn Bhd | 2,344.00   | 2,344.00   |
|               | Baki Akhir Tahun Kewangan            | 2,344.00   | 2,344.00   |
| <b>NOTA 5</b> | <b>- DEPOSIT TETAP</b>               |            |            |
|               | CIMB Bank Sri Petaling               | 158,187.05 | 84,537.25  |
|               |                                      | 158,187.05 | 84,537.25  |
| <b>NOTA 6</b> | <b>- WANG DI BANK</b>                |            |            |
|               | Akaun Semasa Di CIMB Berhad          | 56,626.65  | 138,310.58 |
|               | Cawangan Sri Petaling                |            |            |
|               | Baki Pada 31 Julai                   | 56,626.65  | 138,310.58 |
| <b>NOTA 7</b> | <b>- PEMIUTANG PERDAGANGAN</b>       |            |            |
|               | Baki Pada 1 Ogos                     | 1,560.00   | 1,560.00   |
|               | Tambahan dalam tahun                 | -          | -          |
|               |                                      | 1,560.00   | 1,560.00   |
|               | Tolak: Bayaran dalam tahun           | (1,560.00) | -          |
|               | Baki Pada 31 Julai                   | -          | 1,560.00   |
|               | <b>Senarai Pemiutang:</b>            |            |            |
|               | Anjakan Ideas Sdn Bhd                | -          | 1,560.00   |

|                |                                                     | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|----------------|-----------------------------------------------------|------------|------------|
| <b>NOTA 8</b>  | <b>- FI AUDIT SURUHANJAYA</b>                       |            |            |
|                | Baki Pada 1 Ogos                                    | 3,400.00   | 2,800.00   |
|                | Tambah dalam tahun                                  | 600.00     | 600.00     |
|                |                                                     | 4,000.00   | 3,400.00   |
|                | Bayaran dalam tahun                                 | (3,400.00) | -          |
|                | Baki Pada 31 Julai                                  | 600.00     | 3,400.00   |
| <b>NOTA 9</b>  | <b>- KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI</b>   |            |            |
|                | Baki Pada 1 Ogos                                    | 1,693.55   | 689.95     |
|                | Tambah - Pindahan Dari Akaun Pembahagian Keuntungan | -          | 1,003.60   |
|                |                                                     | 1,693.55   | 1,693.55   |
|                | (Tolak) - Pembayaran                                | -          | -          |
|                | Baki Pada 31 Julai                                  | 1,693.55   | 1,693.55   |
| <b>NOTA 10</b> | <b>- KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN KOPERASI</b>  |            |            |
|                | Baki Pada 1 Ogos                                    | 846.77     | 344.97     |
|                | Tambah - Pindahan Dari Akaun Pembahagian Keuntungan | -          | 501.80     |
|                |                                                     | 846.77     | 846.77     |
|                | (Tolak) - Pembayaran                                | -          | -          |
|                | Baki Pada 31 Julai                                  | 846.77     | 846.77     |
| <b>NOTA 11</b> | <b>- DIVIDEN ATAS MODAL SYER</b>                    |            |            |
|                | Baki Pada 1 Ogos                                    | 19,236.00  | 9,618.00   |
|                | Tambah - Pindahan Dari Akaun Pembahagian Keuntungan | -          | 9,618.00   |
|                |                                                     | 19,236.00  | 19,236.00  |
